



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

**KENYATAAN SEBUT HARGA**

**(SEBUT HARGA NO.: JBPMKL 07/2023)**

Sebut harga ini adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam kelas, kepala dan sub kepala berkaitan dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam gred dan kategori yang berkenaan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut:-

Tajuk Projek	Kelayakan	Tempat, Tarikh & Waktu Sebut Harga Ditutup
<p><b>KERJA-KERJA PEMBAIKAN DAN PENYELENGGARAAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT PUDU KUALA LUMPUR</b></p> <p>Taklimat dan Lawatan Tapak</p> <p>Tarikh: 25.5.2023 (Khamis) Masa: 10.00 pagi Tempat: BBP PUDU</p> <p>Kehadiran: Diwajibkan Kepada Pemunya Nama Di Atas Sijil</p>	<p style="text-align: center;">CIDB</p> <p style="text-align: center;">Gred G1</p> <p style="text-align: center;">Kategori B dan CE</p> <p style="text-align: center;">Penghususan</p> <p style="text-align: center;">B04 (Kerja Am Bangunan)</p> <p style="text-align: center;">CE21 (Pembinaan Kejuruteraan Awam)</p> <p style="text-align: center;">Tempoh Sah Laku Tawaran 90 hari</p>	<p>Peti Sebut Harga, Cawangan Kewangan, Tingkat 2, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur Jalan Maharajalela, 50648 Kuala Lumpur.</p> <p>Tarikh: 2 Jun 2023 (Jumaat) Masa : 12.00 tengahari</p>

\* Jenis Syarikat Tempatan: T1 - Syarikat 100% milik tempatan

2. Dokumen Sebut Harga ini boleh diperolehi semasa taklimat dan lawatan tapak dijalankan.

3. **Sijil Pendaftaran** dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**, serta **Sijil Kontraktor Bertaraf Bumiputera** dengan **PKK (jika ada)** yang asal dan masih sah hendaklah ditunjukkan

semasa mendapatkan dokumen Sebut Harga dan salinan fotostat hendaklah dikemukakan untuk simpanan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Kuala Lumpur. **Dokumen Sebut Harga tidak akan dikeluarkan kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil tersebut dan/atau tidak menghadiri taklimat/lawatan tapak.**

4. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditandakan dengan **Tajuk dan Nombor Sebut Harga** di atas sampul surat. Dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Cawangan Kewangan, Tingkat 2, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur, Jalan Maharajalela, 50648 Kuala Lumpur pada atau sebelum jam **12.00 tengah hari, 2 JUN 2023 (JUMAAT)**. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen Sebut Harga yang dikemukakan melalui pos.

6. Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, kontraktor boleh menghubungi pegawai berikut untuk penjelasan lanjut.

1. Nama: Ahmad Fairuz bin Kamsari  
Jawatan: Penolong Kanan Penguasa Bomba (KB32)  
No. Tel.: 017-7491393  
E-Mel: [unitpembangunan@bomba.gov.my](mailto:unitpembangunan@bomba.gov.my)
2. Nama: Japari bin Tajudin  
Jawatan: Penolong Kanan Penguasa Bomba (KB32)  
No. Tel.: +60 12-2504242  
E-Mel: [oc\\_pudu@bomba.gov.my](mailto:oc_pudu@bomba.gov.my)

7. Iklan di atas juga boleh diakses dengan melayari laman web rasmi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di alamat [www.bomba.gov.my](http://www.bomba.gov.my)

Diluluskan Oleh:



**PPJB ROZIHAN ANWAR BIN MAMAT**

Timbalan Pengarah

b.p. Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Kuala Lumpur

Tarikh: 22.05.2023